

Memperkasa kurikulum sekolah

PIBG mesti galak pelajar manfaat persatuan bentuk daya kepemimpinan

B.H. 20/06/07 N/S 12



# Perspektif

Bersama

Saifuddin Abdullah

E-mel: saifuddin61@yahoo.com

rikulum yang kondusif.

Budaya kurikulum yang kondusif penting kerana ada sekolah menengah, terutama akibat pengetuanya, yang jika tidak menghalang, tetapi sekurang-kurangnya ia tidak memotivasi kemajuan kokurikulum. Ini ditandai dengan tidak menyediakan peluang secukupnya, tidak atau kurang mengambil berat, membiarkan beberapa guru dan warden mengganggu kegiatan dan terlalu mementingkan peperiksaan.

Untuk memantapkan budaya kurikulum yang kondusif, ada 11 perkara boleh diamalkan, iaitu:

● Harus bermula dengan sekolah meletakkan kokurikulum pada tempat sebenar. Perkara ini mesti dipersetujui semua pihak berkepentingan sekolah, iaitu pengetua, guru, ibu bapa, murid tua dan pelajar.

● Mesti wujud matlamat yang jelas, iaitu melahirkan pelajar berperibadi bersepadu dan unggul menerusi kokurikulum sistematis dan profesional.

● Mesti ada objektif khusus, misalnya: meningkatkan penghayatan budaya kokurikulum yang sihat dan konsisten; memperkukuhkan pengurusan, kejurulatihan, penasihat, kepemimpinan dan keanggotaan organisasi; meningkatkan kefahaman, komitmen dan profesionalisme; menjadikan pelajar mahir dalam satu bidang tertentu dan memperbanyakkan kemenangan sekolah dalam pertandingan.

● Mesti ada organisasi kokurikulum yang sesuai. Dari segi persatuan/kelab, sekiranya ada permintaan, maka yang baru perlu ditubuhkan. Seseengah persatuan/kelab sedia ada perlu dipecahkan kepada organisasi berasingan kerana keaktifan yang tinggi dan keperluan berbeza. Contohnya, Persatuan Debat wajar dipecahkan kepada dua, iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

● Keanggotaan perlu terbuka kepada semua dan tidak terhad kepada yang berbakat. Dalam persatuan debat contohnya, keanggotaannya tidak boleh dihadkan kepada yang petah berdebat, yang tidak petah

juga boleh menjadi anggota.

Walaupun bukan pendebat, mereka boleh menimba ilmu dan kemahiran berkominikasi, di samping melaksanakan kerja pengurusan persatuan seperti penganjuran latihan dan pertandingan, membuat penyelidikan untuk pasukan, pengurusan acara, mencari dana dan promosi. Barisan kepemimpinannya juga boleh dianggotai bukan pendebat.

Badan beruniform perlu mempunyai organisasi hampir sama struktur, keanggotaan dan peranannya dengan persatuan/kelab. Ia akan memberi peluang penyertaan dan kepemimpinan kepada pelajar yang tidak mendapat pentauliah pangkat. Ia juga memberi pendedahan tentang realiti pengurusan badan uniform di negara ini yang mempunyai dwianggota, iaitu pasukan beruniform dan awam.

Pasukan sukan juga perlu mempunyai amalan hampir sama dengan persatuan atau kelab. Ia akan memberi lebih banyak peluang pembabitn pihak tidak terpilih memasuki pasukan sekolah kerana dapat belajar mengenai sesuatu jenis sukan untuk kesihatan dan kecerdasan diri serta semangat kesukanan.

● Mesti ada guru penasihat organisasi kokurikulum yang komited.

● Mesti ada jurulatih yang baik. Sebaik-baik jurulatih adalah guru penasihatnya sendiri. Tetapi, sekiranya guru penasihat tidak mampu, mesti dicari jurulatih luar. Ada dua sumber tidak membabit kos, iaitu ibu bapa dan murid tua yang mahir dalam bidang berkaitan. Jika dapat daripada sumber ini, maka mestilah dicari jurulatih berbayar.

● Mesti ada penasihat teknikal di kalangan ibu bapa dan murid tua yang berkemahiran dan ia tidak membabitkan kewangan.

● Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Persatuan Murid Tua mesti keluar dari kerangka lama, iaitu tugas utamanya hanya mengumpulkan dana saja dan memulakan kerangka baru, iaitu meningkatkan kerja pengumpulan dana dibuat sekali se-

kala itu kepada penubuhan yayasan alih konsisten serta membabitkan diri sebagai penasihat teknikal yang membantu guru dalam kokurikulum.

● Seboleh-bolehnya, semua urusan organisasi kokurikulum hendaklah dijalankan pelajar dan bukannya oleh guru. Ia mesti dilaksanakan atas konsep penghapayaan pelajar. Barulah penyertaan dan kepemimpinan pelajar menjadi realiti.

● Mesti ada persefahaman antara semua pihak terbabit.

Ketua penasihat bagi setiap bidang kurikulum ialah pengetua, pembuat keputusan utama, tetapi pengetua mesti menghormati nasihat daripada penasihat teknikal yang lebih arif mengenai bidang kokurikulum khusus.

Guru penasihat, kecuali jika adalah juga jurulatih, adalah pengurus hal ehwal persatuan atau kelab dan pasukan sekolah serta urusan luar gelanggang. Dalam perkara berkaitan secara langsung dengan perkembangan dalam gelanggang dan prestasi pasukan atau pemain, nasihat jurulatih dan penasihat teknikal perlu diperoleh.

Jurulatih bertanggungjawab terhadap pemilihan, latihan, pertandingan disertai dan prestasi pasukan dan pemain. Jurulatih berbincang dengan penasihat teknikal dan melapor kepada guru penasihat.

Penasihat teknikal menasihati guru penasihat dalam pemilihan jurulatih, memantau prestasi pasukan atau pemain sekolah dan menasihati jurulatih dalam perkara-perkara tertentu. Penasihat teknikal berurusan dengan pasukan atau pemain melalui jurulatih dan tidak secara terus kepada mereka.

Akhirnya, kerajaan mesti menyediakan motivasi setimpal dengan seruan meningkatkan martabat kokurikulum, iaitu kepada sekolah, pengetua, guru dan pelajar.

**Datuk Saifuddin Abdullah adalah Pengerusi Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)**